

KAJIAN PENGAJARAN SEBAGAI PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONALISME BERTERUSAN MELALUI KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL

LESSON STUDY AS A CONTINUOUS PROFESSIONALISM DEVELOPMENT PROGRAM THROUGH PROFESSIONAL LEARNING COMMUNITY

Nur Ain Elzira Abdullah, Phd¹
Zamri Mahamod, Phd²
Nur Aishah Abdullah, Phd³

¹Pejabat Pendidikan Daerah Kapit, Tingkat 1&2, Wisma Persekutuan, 96800 Kapit, Sarawak, Malaysia. Emel: ain6112@ymail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. Emel: d-zam@ukm.edu.my

³SMK Raja Muda Musa, 36000 Teluk Intan, Perak, Malaysia. Emel: eishal70@yahoo.com

Accepted date: 06 May 2018

Published date: 10 July 2018

To cite this document: Abdullah, N. A. E., Mahamod, Z., & Abdullah, N. A. (2018). Lesson Study as A Continuous Professionalism Development Program Through Professional Learning Community. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(14), 87-99.

Abstrak: Kajian ini adalah kajian kes kualitatif. Kajian ini bertujuan meneroka kefahaman guru Bahasa Melayu tentang Kajian Pengajaran sebagai Program Pembangunan Profesionalisme Berterusan melalui Komuniti Pembelajaran Profesional. Kajian kes kualitatif ini melibatkan dua belas orang guru Bahasa Melayu yang dipilih secara pensampelan bertujuan daripada enam buah sekolah menengah di Sarawak. Data kajian ini diperoleh melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen, manakala instrumen kajian adalah protokol temu bual, senarai semak pemerhatian, analisis dokumen dan nota lapangan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan pemerhatian terhadap pelaksanaan kitaran Kajian Pengajaran sebanyak 120 pusingan dalam tempoh masa lebih kurang sembilan bulan. Bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, data kajian dinilai melalui proses kajian rintis, triangulasi data, pengesahan peserta kajian, penilaian rakan, jejak audit, nota lapangan, serta berdasarkan nilai indeks persetujuan Cohen Kappa, iaitu 0.89. Data kajian dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 7.5.16 secara pengekodan terbuka. Dapatan kajian telah mengenal pasti bahawa terdapat lima perkara penting berkaitan kefahaman guru tentang Kajian Pengajaran sebagai program Pembangunan Profesionalisme Berterusan, iaitu penambahbaikan RPH, peningkatan kualiti perkongsian ilmu, manfaat kehadiran Pakar Rujuk, pembudayaan amalan kolaboratif, dan peningkatan profesionalisme guru. Implikasi kajian ini dipercayai memberi kesan terhadap perkembangan ilmu dan teori dalam institusi bahasa.

Dapatan kajian diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada penggubal dasar, sorotan literatur, serta amalan pengajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kata Kunci: *Kajian Pengajaran, Pembangunan Profesionalisme Berterusan, Komuniti Pembelajaran Profesional*

Abstract: *This is a qualitative case study. This study aims to explore the understanding of Malay Language teachers on Lesson Study as a Continuous Professional Development program through a Professional Learning Community. This qualitative case study involves twelve selected Malay language teachers with purposive sampling from six secondary schools in Sarawak. The data were obtained through interviews, observations and document analysis, while the instrument was a teacher interview protocol, observation checklist, document analysis and field notes. In this study, the researcher conducted observations on the implementation of the Lesson Study cycle by 120 laps with a period of about nine months. In order to gain high credibility and reliability, the study data were evaluated through pilot study, data triangulation, confirmation of study participants, peer assessment, audit trail, field notes, and based on Cohen Kappa's consent index value of 0.89. The data were analysed using the Atlas.ti version 7.5.16 software in open coding. The findings have identified that there are five important points regarding the teachers' understanding of Lesson Study as a Continuous Professionalism Development program. They are the Daily Lesson Plan improvements, the enhancement of knowledge sharing, benefits of the consultant's presence, the collaborative practice of culture, and the improvement of teacher's professionalism. Implications of this study are believed to have an impact on the development of knowledge and theories in language institutions. The findings are expected to provide added value to policy makers, literature review, and teaching practices in Malay language subjects.*

Keywords: *Lesson Study, Continuous Professional Development, Professional Learning Community*

Pendahuluan

Selaras dengan Anjakan Ke-4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2016-2025), aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah meningkatkan kualiti Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) guru dengan lebih tumpuan kepada keperluan individu dan latihan berdasarkan sekolah. Dengan itu, KPM berhasrat memberi penekanan tinggi terhadap pembangunan modal insan kelas pertama dengan bina upaya merupakan pendekatan utama untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020. Bagi mencapai hasrat murni tersebut, peranan yang digalas kepada guru begitu mencabar memandangkan kemenjadian murid dikaitkan dengan kualiti pengajaran guru di bilik darjah. Berdasarkan cabaran tersebut, perkara penting yang perlu diberi perhatian bagi menjelaskan latar belakang kajian ini adalah pembangunan kualiti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu yang berdasarkan pendekatan kajian pengajaran (KP) melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP).

Dalam hal ini, langkah KPM yang telah menjadikan KPP sebagai program PPB guru merupakan salah satu daripada inisiatif yang tepat sekali (KPM BPG 2011). Walau bagaimanapun, respons daripada guru untuk mengenal pasti pendekatan KP dapat diterima sebagai PPB perlu diambil kira memandangkan kualiti PdPc Bahasa Melayu merupakan salah satu daripada prasyarat untuk memacu pencapaian PPPM 2013-2025. Hal ini selari dengan penyataan Welsh dan Elliott (2001) bahawa kualiti pengajaran guru merupakan penentu utama pencapaian murid di sekolah. Oleh itu, kajian berkaitan kefahaman guru tentang manfaat KP sebagai PPB perlu diterokai

berikutan perkembangan dan penggunaan pendekatan KP yang telah diperkenalkan dan digunakan secara meluas dalam pengupayaan kualiti pengajaran guru di Malaysia. Keperluan untuk mengetahui kefahaman guru tentang pendekatan KP sebagai PPB penting agar aspirasi KPM untuk meningkatkan kualiti PPB guru melalui KPP dapat dicapai dengan jayanya.

Tinjauan Literatur

Umumnya, KPM telah melaksanakan pelbagai usaha untuk melahirkan guru yang berkualiti dan memastikan guru yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara, serta kekal berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatan. Antara langkah yang telah diusahakan termasuklah memantapkan latihan perguruan, menambah baik sistem pemilihan calon guru, melonjakkan kecemerlangan institusi latihan perguruan, dan menambah baik laluan kerjaya serta kebajikan guru (BPG 2009). Langkah ini selaras dengan aspirasi pendidikan masa kini dan masa depan sebagaimana yang dituntut dalam Pendidikan Abad ke-21. Seajar dengan usaha KPM untuk meningkatkan keberhasilan pembelajaran murid, dokumen KSSR 2011 dan KSSM 2017 yang dikaji semula menitikberatkan KBAT untuk memastikan keseimbangan pengetahuan dengan kemahiran berfikir, serta nilai bagi memastikan kejayaan murid. Usaha ini merupakan suatu langkah yang jelas ke arah transformasi kurikulum negara (KPM 2012).

Berdasarkan kepercayaan bahawa modal insan adalah harta yang boleh disuntik nilai tambahnya, dianjakkan nilai inteleknya, serta diperbanyakkan modal budayanya, maka pembangunan modal insan yang berkualiti bergantung kepada pendidikan berkualiti (Zamri Mahamod (2013). Dalam situasi ini, kualiti PdPc Bahawa Melayu wajar diberi perhatian bagi memastikan aspirasi PPPM 2013-2025 mencapai transformasi sistem pendidikan di peringkat global seperti yang dihasratkan. Oleh itu, pendekatan KP sebagai PPB boleh dijadikan sebagai alternatif untuk memperkasa amalan pengajaran guru dalam PdPc Bahasa Melayu.

Selaras dengan inisiatif KPM di bawah makmal Bidang Keberhasilan Utama Negara (BKUN) atau *National Key Results Area (NKRA)*, KP telah dijadikan sebagai program PPB guru (KPM 2012) untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru dan prestasi murid. Inisiatif tersebut selaras dengan Anjakan Ke-4 PPPM 2013-2025, iaitu KPM berhasrat profesion keguruan menjadi profesion pilihan. Untuk mencapai hasrat murni tersebut, KPM terus beriltizam mengekalkan dasar sedia ada, iaitu mengukuhkan profesion keguruan di Malaysia bagi menjadikannya menarik, mendatangkan kepuasan dan berprestij. Dalam hal ini, KPM perlu memilih hanya guru yang terbaik untuk menyertai profesion ini. Justeru, setiap guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran dan sokongan bagi membolehkan diri memberikan perkhidmatan terbaik ke arah pencapaian murid yang berkualiti di setiap sekolah.

Menyedari hakikat tersebut, KPM telah mengambil inisiatif untuk memberikan latihan PPB kepada guru dan pimpinan sekolah. Latihan PPB ini dijalankan oleh bahagian tertentu di KPM seperti Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan Institut Aminudin Baki (IAB). Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh BPG untuk memastikan kelestarian kualiti guru ialah KP. Pemilihan KP sebagai inisiatif utama PPB adalah untuk meningkatkan peratusan aktiviti pembangunan profesionalisme berterusan berasaskan sekolah (16% pada 2013) seperti pemerhatian rakan sekerja dan perancangan pengajaran guru (KPM 2013).

Seterusnya, usaha KPM juga adalah berdasarkan dapatan kajian antarabangsa yang menunjukkan bahawa latihan amali di tempat kerja adalah lebih berkesan berbanding program latihan yang dijalankan di luar sekolah. Selain itu, kumpulan fokus guru Malaysia juga melaporkan bahawa latihan di tempat kerja adalah lebih manfaat kerana keadaan ini

membolehkan guru mendapat maklum balas langsung tentang cara-cara menambah baik amalan PdPc di bilik darjah. Selain itu, amalan kolaboratif yang wujud dalam kalangan rakan sekerja menimbulkan suasana bekerja yang menyeronokkan (Nur Ain Elzira Abdullah 2018). Berikut hasil kajian antarabangsa, maka pada tahun 2011, BPG telah melaksanakan KPP yang bermula dengan pendekatan KP kepada 289 panitia mata pelajaran di 289 buah sekolah berprestasi rendah. Pelaksanaan aktiviti PdPc secara kolaboratif dalam kalangan komuniti guru di Malaysia telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan dalam usaha meningkatkan profesionalisme guru berdasarkan sekolah (BPG 2013). Selaras dengan hasrat KPM untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru, maka Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan serta KPM meneruskan usaha tersebut pada tahun 2012 dengan menyebarluaskan pendekatan KP kepada 107 panitia mata pelajaran di 107 buah sekolah di Malaysia (BPG 2013). Mulai saat itu, pendekatan KP menjadi titik tolak kepada guru Bahasa Melayu untuk melakukan perubahan bagi menjamin kualiti dan kesempurnaan dalam PdPc Bahasa Melayu. Dalam hal ini, pelaksanaan PdPc Bahasa Melayu melalui kitaran KP wajar dilakukan kerana menurut Yoshida (2002), Takahashi, Itoh, Adachi, Noji, Yasuda, Yoshida dan Kinoshita (2004), serta Zamri Mahamod (2012a, 2012b), guru yang berkesan merupakan guru yang memahami dan mengaplikasikan strategi PdPc yang berkesan, serta membudayakan KP dalam pengajaran.

Tuntasnya, pendekatan KP dalam PdPc Bahasa Melayu menjadi syarat utama yang perlu diterokai agar dapat memberi kefahaman yang lebih kukuh tentang strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang dapat meningkatkan hasil pembelajaran murid. Keperluan untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru selaras dengan matlamat sistem pendidikan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 yang berbunyi:

“... dan bahawasanya tujuan pendidikan adalah untuk membolehkan masyarakat Malaysia menguasai ilmu, kemahiran dan nilai murni yang diperlukan dalam dunia yang berdaya saing tinggi serta bersifat global, kesan daripada perkembangan pesat sains, teknologi dan maklumat”

[Mukadimah Akta Pendidikan 1996].

Dalam hal ini, segala usaha dan langkah yang diambil dalam sistem pendidikan perlu mengambil kira potensi dan keperluan kemenjadian murid secara menyeluruh. Maka, pihak sekolah perlu memberi perhatian terhadap murid yang sering mendapat keputusan yang rendah dalam peperiksaan sekolah. Bimbingan terhadap golongan murid ini memerlukan kemahiran PdPc Bahasa Melayu yang berkesan. Oleh itu, PdPc Bahasa Melayu yang berkesan pastinya sinonim dengan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran guru. Hal ini selaras dengan penyataan Zamri Mahamod (2013) dalam ucaptama beliau, iaitu “Merekayaskan Pendidikan Bahasa Melayu pada abad ke-21”. Walau bagaimanapun, Zamri Mahamod (2013) menjelaskan:

“...bahawa guru-guru Bahasa Melayu sekarang ini begitu lemah dalam ilmu pedagogi mereka, terutamanya apabila menggunakan kaedah, pendekatan dan teknik terkini dalam PdPc di dalam bilik darjah”

[Zamri Mahamod 2013:4]

Menyedari hakikat tersebut, pemerkasaan PdPc guru Bahasa Melayu melalui pendekatan KP wajar diberi perhatian bagi memastikan penyampaian ilmu dan kemahiran secara berkesan demi pembangunan modal insan kelas pertama. Menerusi ciri-ciri dan prinsip pelaksanaan KP yang berdasarkan amalan kolaboratif, pelaksanaan PdPc Bahasa Melayu melalui pendekatan KP di bawah Strategi Perkongsian Amalan (*De-Privatization of Practice*) wajar dilakukan. Hal ini

bertujuan membolehkan pengkaji menyelidiki amalan PdPc melalui pendekatan KP yang dipercayai mampu berfungsi sebagai amalan profesional dalam PdPc Bahasa Melayu sebagaimana yang dituntut dalam SGM (BPG 2009).

Penyataan Masalah

Menurut Welsh dan Elliott (2001), kejayaan sesuatu sistem pendidikan dinilai melalui tahap pembelajaran dan perkembangan murid semasa melalui sistem tersebut. Untuk itu, KPM bertekad meningkatkan kualiti kemenjadian murid agar selaras dengan aspirasi negara untuk meletakkan Malaysia dalam sistem pendidikan pada kelompok seperti teratas di dunia. Walau bagaimanapun, keinginan untuk mencapai hasrat tersebut tidak semudah yang dijangkakan. Hal ini demikian kerana menurut Tennessee (Welsh & Elliott 2001), kualiti pengajaran guru merupakan penentu utama pencapaian murid di sekolah. Oleh itu, kajian ini penting bagi memberi pencerahan kepada beberapa isu yang telah dikaitkan dengan kefahaman guru tentang KP sebagai PPB untuk penambahbaikan amalan pengajaran guru dalam PdPc Bahasa Melayu.

Dalam kajian ini, terdapat beberapa isu yang pernah dikaitkan dengan kefahaman guru tentang KP sebagai program pembangunan profesional berterusan (PPB) dalam meningkatkan hasil pembelajaran murid. Sejak KP diperkenalkan pada tahun 2010, guru dikatakan mempunyai kefahaman yang agak terhad tentang pendekatan KP (BPG 2013). Hal ini berlaku kerana kebanyakan guru masih kurang diberi pendedahan tentang pendekatan tersebut secara meluas. Perkara ini terjadi berikutan KPM lebih tertumpu kepada mata pelajaran Sains dan Matematik menerusi Kajian Projek Asia Pacific Economic Cooperation (APEC), iaitu *Promote Mathematics Communication through Lesson Study* (Rohaida Mazlan & Zamri Mahamod 2016). Justeru, kefahaman guru tentang KP perlu diterokai secara mendalam bagi membentulkan persepsi negatif yang timbul dalam kalangan guru.

Selain itu, guru dilaporkan kurang mendalam pendekatan KP akibat berlakunya kecairan maklumat di peringkat latihan dalaman. Pada tahun 2011, KP telah diketengahkan menerusi program Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) rentetan inisiatif pendidikan negara, iaitu *National Key Results Area* (NKRA) atau Bidang Keberhasilan Utama Negara. Walau bagaimanapun, hanya seorang atau dua orang guru yang berpeluang mewakili setiap sekolah untuk menghadiri kursus KP menerusi program KPP. Walaupun latihan dalaman dijalankan setelah kembali daripada menghadiri kursus tersebut, namun kecairan maklumat tetap berlaku. Situasi ini sedikit sebanyak telah menyebabkan pendekatan KP kurang mendapat pendedahan yang meluas dalam kalangan pendidik (Nur Ain Elzira Abdullah 2018).

Merujuk kepada isu yang sama, hasil kajian Rohaida Mazlan dan Zamri Mahamod (2016) mendapati sebanyak 394 daripada 10,154 buah sekolah telah menyertai KP di Malaysia. Walau bagaimanapun, dapatan kajian melaporkan tidak banyak sekolah yang benar-benar menjalankan KP. Hal yang demikian berlaku atas sebab kurang kesedaran tentang kepentingan KP sebagai peningkatan amalan pengajaran guru (Rohaida Mazlan & Zamri Mahamod 2016). Kefahaman guru tentang KP bertambah terbatas apabila timbul pelbagai masalah yang melibatkan sikap dan komitmen guru terhadap pendekatan KP (Adi Sobandi 2014). Selain itu, hasil kajian Chiew Chin Mon, Jeffri Mat Yasin dan Sitti Aishah Ashaari (2014) tentang pelaksanaan KP mendapati kekurangan pemantauan dalam pelaksanaan KP menjadikan keadaan bertambah rumit kerana guru hanya melaksanakan KP sekadar memenuhi arahan pihak atasan sahaja. Di kebanyakan sekolah, guru melaksanakan KP bertujuan untuk melengkapkan laporan aktiviti KP untuk simpanan fail semata-mata (Nur Ain Elzira Abdullah 2018).

Seterusnya, dapatan kajian Adi Sobandi (2014), serta Norashid Othman dan Hamzah Md. Omar (2014) mendapati berlaku kekangan dalam pelaksanaan KP kerana dipercayai pelaksanaan KP dalam pengajaran guru telah menyebabkan beban tugas guru bertambah. Dalam kajian Richard, Patrick dan Willy (2001), serta Chiew Chin Mon dan Lim Chap Sam (2010) pula, pelaksanaan KP dalam pengajaran guru juga dilaporkan menjadi terbantut akibat guru menghadapi kekangan masa untuk melaksanakan pendekatan KP dalam pengajaran. Seterusnya, dapatan kajian kuantitatif tentang persepsi guru Sains yang mengamalkan KP sebagai program PPB guru turut dilaporkan dalam kajian Muzirah Abdul Mokhti dan Nurhana Mohamad Rafiuddin (2013). Kajian yang bertujuan melihat hubungan antara amalan KP dan keberkesanan pengajaran guru melaporkan terdapat hubungan yang tidak signifikan antara skor amalan KP dengan skor keberkesanan pengajaran guru dengan nilai ($p= 0.196$; $p> 0.05$).

Berdasarkan beberapa dapatan kajian yang telah dibincangkan, dapatan kajian tersebut didapati amat bertentangan dengan hasil kajian Video TIMSS (*Third International Mathematics and Science Study*) pada tahun 1995 yang melibatkan tiga buah negara, iaitu Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun. Hasil analisis kajian video tersebut telah dihuraikan dalam buku "*The Teaching Gap*" oleh Stigler dan Hiebert (1999). Hasil kajian mendapati KP dikenal pasti sebagai faktor penyumbang kepada prestasi tinggi pengajaran guru Jepun dalam bilik darjah. Berikutan perkembangan tersebut, maka tidak hairan KP telah mendapat perhatian pengkaji terdahulu seperti kajian Yoshida (1999, 2004), Lewis (2002, 2005), Takahashi (2003), Adi Sobandi (2014), Nur Ain Elzira Abdullah dan Zamri Mahamod (2017), serta ramai lagi.

Ringkasnya, pengkaji berpandangan bahawa kajian mengenai kefahaman guru Bahasa Melayu tentang pendekatan KP sebagai program PPB melalui KPP wajar dilaksanakan. Kajian yang dijalankan ini bertujuan mengenal pasti manfaat pendekatan KP sebagai PPB untuk penambahbaikan kualiti pengajaran guru dalam PdPc Bahasa Melayu, serta peningkatan hasil pembelajaran murid dengan lebih bermakna.

Objektif Kajian

Kajian ini meneroka kefahaman guru tentang pendekatan Kajian Pengajaran sebagai program Pembangunan Profesionalisme Berterusan melalui pembudayaan Komuniti Pembelajaran Profesional dalam peningkatan kualiti pengajaran guru, serta hasil pembelajaran murid.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kes kualitatif. Reka bentuk kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini untuk meneroka kefahaman guru tentang pendekatan Kajian Pengajaran sebagai program Pembangunan Profesionalisme Berterusan melalui pembudayaan Komuniti Pembelajaran Profesional. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual sebagai kaedah utama dalam proses pengumpulan data kajian ini. Kajian ini melibatkan dua belas guru Bahasa Melayu yang dipilih secara pensampelan bertujuan daripada enam buah sekolah menengah di Sarawak. Lokasi kajian dipilih setelah mengambil kira beberapa kriteria seperti prestasi sekolah, memenuhi kriteria tujuan kajian, faktor geografi, dan kerjasama pihak sekolah. Data kajian diperoleh melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Instrumen kajian terdiri daripada protokol temu bual, senarai semak pemerhatian, nota lapangan dan analisis dokumen. Kaedah temu bual dilakukan secara berstruktur dan tidak berstruktur. Temu bual memberi tumpuan kepada amalan PdPc Bahasa Melayu melalui lima kitaran KP. Temu bual dalam kajian ini telah dilakukan secara bersemuka walaupun menurut Patton (2002), temu bual melalui telefon turut boleh diterima. Temu bual yang berlaku dirakam menggunakan peralatan perakam

digital di samping catatan tangan, manakala maklumat pemerhatian berfokus kepada dapatan temu bual yang diperoleh berkaitan maklumat yang ingin dikaji selanjutnya dalam kajian ini. Secara keseluruhan, kajian ini telah menjalankan pemerhatian terhadap pelaksanaan kitaran KP sebanyak 120 kali. Manakala, analisis dokumen dalam kajian ini melibatkan bahan bercetak guru seperti Buku Rekod Mengajar (BRM), Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT), Rancangan Pelajaran Harian (RPH), Sukatan Pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) BM Tingkatan 1 – Tingkatan 5, buku latihan murid, fail laporan refleksi KP, fail minit mesyuarat panitia, perancangan strategik peningkatan akademik sekolah, takwim sekolah dan takwim panitia. Dokumen tersebut dikaji, disemak, dan dianalisis menggunakan borang senarai semak yang disediakan. Proses pengumpulan data mengambil masa lebih kurang sembilan bulan. Kesahan dan kebolehpercayaan data kajian dinilai melalui proses kajian rintis, triangulasi data, pengesahan peserta kajian, penilaian rakan, jejak audit, catatan nota lapangan, serta berdasarkan nilai indeks persetujuan Cohen Kappa oleh tiga panel pakar, iaitu 0.89. Data kajian dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 7.5.16 secara pengekodan terbuka dan dipersembahkan dalam bentuk naratif.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian berkaitan kefahaman guru tentang KP sebagai program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) telah memperoleh lima tema utama, iaitu penambahbaikan RPH, peningkatan kualiti perkongsian ilmu, manfaat kehadiran Pakar Rujuk (PR) atau *Knowledgeable Others (KO)*, pembudayaan amalan kolaboratif, dan peningkatan profesionalisme guru. Dapatan kajian dianggap penting kerana pengkaji amat berharap dapatan kajian ini dapat mencantas pandangan dan persepsi negatif sesetengah golongan guru bahawa pendekatan KP sebagai PPB sekadar menambah bebanan tugas guru semata-mata.

Penambahbaikan Rancangan Pengajaran Harian

Pembudayaan KPP dalam PdPc Bahasa Melayu melalui pendekatan KP telah membuka ruang perkongsian ilmu dalam kalangan guru Bahasa Melayu untuk melakukan penambahbaikan RPH. Melalui KP, guru dapat berkongsi idea untuk menghasilkan RPH yang lebih baik dengan membincangkan topik pelajaran atau kemahiran yang sukar diajar atau kemahiran yang sukar untuk dikuasai oleh murid. Dapatan kajian tersebut kelihatan lebih jelas melalui pemerhatian sendiri oleh pengkaji di lokasi kajian. Melalui pemerhatian dan penelitian yang dibuat, sesi perbincangan yang berlaku dalam kalangan guru Bahasa Melayu untuk menghasilkan satu RPH dalam KP melibatkan aspek seperti masalah dan tingkah laku pembelajaran murid. Pada sesi perbincangan, guru memilih unit atau tajuk yang hendak diajar. Fokus perbincangan adalah berkaitan tajuk atau topik yang sukar dikuasai oleh murid. Triangulasi data melalui analisis dokumen terhadap BRM, semua peserta kajian didapati telah menyediakan satu RPH yang lengkap tentang tajuk pelajaran yang telah dibincangkan. Melalui analisis dokumen terhadap RPH peserta kajian yang terlibat, RPH yang disediakan adalah berkaitan tajuk pelajaran yang telah dipersetujui oleh semua ahli dalam perbincangan KP.

Peningkatan Kualiti Perkongsian Ilmu

Kefahaman guru Bahasa Melayu tentang pendekatan KP sebagai program PPB turut melaporkan berlakunya perkongsian ilmu semasa sesi refleksi pengajaran guru. Melalui data temu bual dan catatan pemerhatian yang diperoleh, terdapat dua perkara penting berkaitan hasil perkongsian ilmu dalam PdPc KP, iaitu kekuatan dan kelemahan RPH, dan kekuatan dan kelemahan PdPc guru. Menurut peserta kajian, guru boleh belajar daripada kekuatan dan kelemahan RPH melalui sesi refleksi KP. Kemudian, melalui sesi perbincangan KP, guru berbincang untuk mencari alternatif yang sesuai bagi melakukan penambahbaikan RPH. Selain

itu, peningkatan kualiti perkongsian ilmu melalui pendekatan KP memberi peluang kepada guru untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan PdPc. Menurut peserta kajian, guru berpeluang menyaksikan proses PdPc secara praktikal yang dikendalikan oleh guru model dalam sesi pemerhatian pengajaran KP kerana semuanya berlaku di hadapan mata.

Manfaat Kehadiran Pakar Rujuk

Selaras dengan bentuk pelaksanaan PdPc KP, kehadiran pakar rujuk (PR) dalam kitaran KP ke-3 dan ke-4 turut dilaporkan memberi manfaat kepada guru. Hasil temu bual bersama peserta kajian, kehadiran PR dalam pelaksanaan PdPc KP telah dianggap sebagai pemudah cara kepada guru. Menurut peserta kajian, perkongsian ilmu melalui perbincangan KP bersama PR meningkatkan kefahaman guru dari aspek strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran. Melalui pemerhatian pengkaji ketika pelaksanaan sesi pengajaran dan sesi refleksi, PR memainkan peranan dengan memastikan guru-guru aktif dalam sesi perbincangan. PR juga menggalakkan guru-guru yang terlibat dalam sesi refleksi dan maklum balas KP untuk berfikir secara mendalam melalui teknik penyoalan tentang isu-isu PdPc yang kritikal. Seterusnya, hasil temu bual turut melaporkan manfaat kehadiran pakar rujuk sebagai guru pakar mata pelajaran meningkatkan pengetahuan kandungan subjek yang diajar memandangkan PR adalah terdiri daripada kategori guru yang dianggap sebagai *Subject Matter Expert* dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Antara PR yang dijemput hadir adalah terdiri daripada penolong kanan akademik, guru cemerlang Bahasa Melayu, guru kanan mata pelajaran, ketua panitia, dan pegawai SISC+ Bahasa Melayu. Peranan utama PR termasuk memberikan pandangan dan idea terhadap pengajaran guru serta cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan hasil pembelajaran murid.

Pembudayaan Amalan Kolaboratif

Salah satu daripada prinsip asas KP ialah pembudayaan amalan kolaboratif. Justeru, kefahaman guru Bahasa Melayu tentang pendekatan KP sebagai PPB amat menepati dapatkan ini. Melalui temu bual, pengkaji dimaklumkan bahawa menerusi panitia mata pelajaran, amalan PdPc Bahasa Melayu melalui pendekatan KP berupaya membina amalan kolaboratif dalam kalangan guru. Hal yang demikian berlaku melalui gabungan tenaga guru pakar mata pelajaran, guru cemerlang, guru berpengalaman dan guru novis. Menurut peserta kajian, hasil perkongsian ilmu dalam panitia mata pelajaran dipercayai amat berguna untuk meningkatkan amalan PdPc guru di bilik darjah. Peranan panitia dalam hal tersebut selaras dengan prinsip KP yang menitikberatkan amalan kolaboratif. Hal ini demikian kerana pendekatan KP memberi ruang dan peluang kepada semua guru di bawah satu panitia berkongsi pengetahuan dengan lebih luas tentang strategi PdPc yang berkesan. Selain itu, dapatkan kajian melaporkan amalan kolaboratif melalui pendekatan KP dipercayai membolehkan ahli panitia bekerjasama untuk memikirkan penyelesaian kepada masalah pembelajaran murid.

Peningkatan Profesionalisme Guru

Dapatkan kajian berkaitan kefahaman guru tentang pendekatan KP turut melaporkan bahawa pendekatan tersebut berupaya meningkatkan profesionalisme guru. Hasil kajian melalui temu bual melaporkan pengalaman pengajaran guru melalui pendekatan KP dipercayai membentuk sifat seorang guru yang profesional melalui ciri-ciri peribadi seperti bersifat terbuka, berfikiran positif, membina keyakinan dan jati diri, dan milik nilai sepunya. Hasil temu bual, pengkaji difahamkan bahawa amalan KP yang bersifat terbuka dalam sebarang teguran dan kritikan dapat membentuk guru menjadi seorang yang profesional. Hal ini demikian kerana teguran dan kritikan yang membina menjadikan guru turut bersifat terbuka dalam PdPc di bilik darjah.

Dalam pada itu, peningkatan profesionalisme guru turut dikaitkan dengan ciri-ciri peribadi seperti berfikiran positif. Hasil temu bual melaporkan pengalaman mengikuti KP dalam PdPc Bahasa Melayu membentuk karakter guru melalui ciri-ciri peribadi berfikiran positif yang ditunjukkan semasa menerima teguran dan kritikan oleh rakan KP. Guru yang berfikiran positif dipercayai dapat menerima perubahan dengan mudah melalui kritikan dan teguran yang membina. Menurut peserta kajian, pendekatan KP meningkatkan profesionalisme guru jika guru bersedia menerima perubahan. Melalui pemerhatian dan pengamatan secara teliti, pengkaji mendapati sesi perbincangan KP berlangsung dengan baik. Walaupun pada mulanya perbincangan berlaku agak rencam, namun melalui sifat positif yang ditunjukkan, guru mencapai kata sepakat untuk menerima cadangan penambahbaikan RPH dan PdPc guru.

Perbincangan

Perbincangan hasil kajian adalah berdasarkan lima tema utama berkaitan kefahaman guru tentang pendekatan kajian pengajaran sebagai Program Pembangunan Profesionalisme Berterusan, iaitu penambahbaikan RPH, peningkatan kualiti perkongsian ilmu, manfaat kehadiran Pakar Rujuk (PR) atau *Knowledgeable Others (KO)*, pembudayaan amalan kolaboratif, dan peningkatan profesionalisme guru.

Penambahbaikan Rancangan Pengajaran Harian

Hasil perkongsian ilmu dan pengalaman dalam PdPc Bahasa Melayu melalui KP, kini membuka ruang kepada guru untuk melakukan penambahbaikan dalam RPH. Dapatkan kajian ini selaras dengan kajian KP yang diusahakan oleh Fang Yan Ping dan Kristine Kim Eng Lee (2010) terhadap guru-guru di Singapura selama dua tahun. Hasil kajian mendapati KP boleh menghasilkan pengajaran yang lebih baik secara berterusan. Dapatkan kajian Nur Ain Elzira Abdullah dan Zamri Mahamod (2018) menjelaskan PdPc melalui KP memberi pengetahuan kepada guru untuk melakukan penambahbaikan RPH hasil daripada percambahan fikiran daripada pelbagai pihak dalam sesi perbincangan KP. Menurut mereka, antara aspek penting yang menyumbang kepada penambahbaikan RPH adalah seperti memberi fokus kepada masalah pembelajaran murid, khususnya bagi topik yang sukar dikuasai, membincangkan hasil pembelajaran murid, merancang aktiviti PdPc, memilih dan menyediakan BSP yang sesuai, serta membina langkah-langkah RPH mengikut prinsip asas pedagogi. Ringkasnya, pengetahuan yang diperoleh melalui KP dapat diaplikasikan dalam perancangan RPH guru yang seterusnya untuk menghasilkan strategi PdPc yang berkesan (Zamri Mahamod 2004).

Meningkatkan Kualiti Perkongsian Ilmu

Dalam kajian ini, kefahaman guru tentang KP melaporkan bahawa sesi refleksi dalam KP menyumbang kepada kualiti perkongsian ilmu antara ahli dalam kumpulan KP. Hal ini berlaku kerana menurut peserta kajian, guru berpeluang untuk membincangkan masalah dan hasil pembelajaran murid ketika sesi refleksi pengajaran. Hasil kajian ini seajar dan selari dengan prinsip-prinsip perkembangan profesional guru yang berkesan (Darling-Hammond, Andree, Richardson & Orphanos 2012). Melalui perbincangan sesi refleksi, guru bermuafakat mencari penyelesaian kepada masalah pembelajaran murid. Dalam kajian ini, percambahan idea daripada pelbagai pihak yang terlibat didapati menyumbang kualiti perkongsian ilmu untuk mendapatkan alternatif terbaik bagi memperbaiki hasil pembelajaran murid. Dapatkan kajian selaras dengan pernyataan Carroll et al. (2003) bahawa kualiti perkongsian ilmu antara ahli meningkat melalui menyebarkan pengetahuan, kemahiran, pengalaman, dan amalan pedagogi sedia ada dalam sebuah organisasi. Hal ini bermakna, amalan perkongsian ilmu KP membolehkan ahli KP belajar sesama sendiri bagi memahami dunia pengajaran guru dan persekitaran pembelajaran murid.

Dapatkan kajian ini sama sekali bertentangan dengan hasil kajian Adi Sobandi (2014), serta Norashid Othman dan Hamzah Md. Omar (2014) yang mendapati berlaku kekangan dalam pelaksanaan KP kerana dipercayai pelaksanaan KP dalam pengajaran guru telah menyebabkan beban tugas guru bertambah. Oleh itu, dengan kemunculan dapatkan kajian yang terkini, pengkaji berharap agar pelaksanaan KP sebagai PPB dapat diteruskan untuk meningkatkan kualiti perkongsian ilmu dalam kalangan guru bagi menyebarluaskan pelbagai pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan amalan pedagogi dalam kalangan ahli panitia.

Manfaat Kehadiran Pakar Rujuk

Kefahaman guru tentang pendekatan KP sebagai PPB turut menyentuh kehadiran Pakar Rujuk (PR) atau *Knowledgeable Others (KO)* dalam sesi pelaksanaan pengajaran dan sesi refleksi. Dalam kajian ini, guru menyatakan bahawa kehadiran PR atau *KO* sebagai pemerhati mencetus idea untuk penambahbaikan hasil pembelajaran murid. Dapatkan kajian ini menepati peranan seorang pakar rujuk yang dianggap sebagai moderator atau pemudah cara dan PR PdPc yang baik dan berkesan dalam konteks KP (Fernandez & Yoshida 2004; Du'Four et al. 2006; Darling-Hammond 2012). Dapatkan kajian ini menyokong sepenuhnya dapatan KP yang dilakukan oleh Nuraishah Mahmood dan Helmeleya Mohd Jamil (2013), serta Nur Ain Elzira Abdullah (2018) bahawa KP meningkatkan prestasi pemikiran murid dan merangsang pembangunan profesional guru. Dapatkan kajian ini juga menepati pernyataan Foo Kum Fong dan Lee Hwa Phaik (2008) bahawa KP menawarkan alat yang boleh digunakan untuk mencari punca kepada sesuatu masalah pembelajaran murid, serta kekangan pengajaran yang dihadapi oleh guru semasa memerhati dan mengesahkan kejayaan dalam pengajaran.

Berdasarkan manfaat dan faedah yang diperoleh dengan kehadiran PR semasa melaksanakan KP, maka tidak hairanlah jika KP telah dilaksanakan oleh ramai para pendidik kerana keberkesanannya dalam memperbaik PdPc. Dapatkan kajian juga selaras dengan prinsip PdPc KP bahawa perkongsian amalan dan kemahiran bersama guru yang lebih berpengalaman meningkatkan pengetahuan kandungan subjek yang diajar (Du'Four et al. 2006). Dapatkan ini juga menyokong pernyataan Fernandez dan Yoshida (2004), dan Lewis et al. (2006) memandangkan PR adalah terdiri daripada kategori guru yang dianggap sebagai *SME* dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Pembudayaan Amalan Kolaboratif

Perkongsian amalan KP dalam PdPc Bahasa Melayu didapati mewujudkan pembudayaan amalan kolaboratif dalam kalangan guru. Hal ini demikian kerana pelaksanaan KP melibatkan pelbagai pihak yang terdiri daripada guru pakar, guru cemerlang, guru berpengalaman, guru baharu, dan ketua panitia. Dalam hal ini, kejayaan dan keberkesanannya KP memerlukan sokongan dan kerjasama yang erat daripada semua pihak yang terlibat. Dapatkan kajian ini sejajar dengan ciri-ciri KP yang dikemukakan oleh Stigler dan Hiebert (1999) dalam buku, iaitu *The Teaching Gap*. Menurut mereka, KP merupakan satu usaha kolaboratif dalam kalangan guru. Melalui pendekatan kolaboratif, guru juga secara kolaboratif menghasilkan RPH yang berfokus kepada hasil pembelajaran murid. Dalam hal ini, budaya kolaboratif amat penting untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru. Budaya tersebut membuka peluang kepada guru untuk mengembangkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran yang berasaskan penyelesaian masalah secara kolaborasi.

Berdasarkan hasil positif daripada kajian ini, pengkaji berharap supaya faktor masa bukan lagi halangan kepada guru untuk melaksanakan KP dalam pengajaran mereka sebagaimana

dilaporkan dalam hasil kajian Richard, Patrick dan Willy (2001), serta Chiew Chin Mon dan Lim Chap Sam (2010). Melalui pelaksanaan KP, pengajaran secara kelas terbuka sudah menjadi amalan biasa dan guru perlu bersedia ke arah itu untuk menerima sesuatu perubahan yang baharu dengan keluar daripada rejim kepompong yang telah sekian lama mengikat mereka dengan corak pengajaran tradisional. Tegasnya, pelaksanaan KP sebagai program PPB perlu diteruskan untuk membudayakan amalan kolaboratif secara berterusan.

Meningkatkan Profesionalisme Guru

Dapatkan kajian berkaitan kefahaman guru tentang pendekatan KP sebagai PPB turut melaporkan bahawa pendekatan tersebut menyediakan suatu wacana untuk meningkatkan profesionalisme guru. Dapatkan ini selaras dengan prinsip-prinsip perkembangan profesional guru berkesan seperti yang dikemukakan oleh Zamri Mahamod (2004), iaitu berfokus kepada hasil pembelajaran murid, memberi peluang kepada guru untuk mengembangkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran, berasaskan penyelesaian masalah secara kolaborasi, berasaskan sekolah serta memerlukan sokongan secara berterusan. Dapatkan kajian juga menyokong idea Fernandez dan Yoshida (2004), serta kajian Nur Ain Elzira Abdullah (2018) bahawa pengetahuan guru, nilai sepunya dan nilai kebertanggungjawaban terbentuk melalui persefahaman dan permuafakatan antara ahli kumpulan dalam menentukan matlamat atau objektif pembelajaran. Oleh itu, nilai sepunya dan perasaan kebertanggungjawaban dalam kalangan ahli KP ketika menghasilkan RPH amat penting untuk penambahbaikan PdPc guru.

Dapatkan kajian ini amat bertentangan dengan hasil kajian Adi Sobandi (2014), serta Chiew Chin Mon, Jeffri Mat Yasin dan Sitti Aishah Ashaari (2014). Akibat keterbatasan kefahaman guru tentang KP, timbul pelbagai masalah yang melibatkan sikap dan komitmen guru terhadap pelaksanaan pendekatan KP. Seterusnya, kekurangan pemantauan dalam pelaksanaan KP menjadikan guru hanya melaksanakan KP untuk melengkapkan laporan tentang aktiviti KP untuk simpanan fail semata-mata. Justeru, pelaksanaan KP sebagai PPB melalui KPP perlu di teruskan demi meningkatkan pembangunan profesionalisme guru secara berterusan agar mencapai hasil pembelajaran murid dengan lebih bermakna.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, berdasarkan dapatan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen, pengkaji menyimpulkan bahawa pendekatan KP sesuai dijadikan sebagai program Pembangunan Profesionalisme Berterusan untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru dan melonjakkan hasil pembelajaran murid. Dengan terhasilnya kajian ini, pengkaji berharap agar dapat kajian ini dapat mencantas segala fahaman dan persepsi negatif sesetengah golongan guru seperti yang dilaporkan dalam dapatan kajian pengkaji terdahulu yang mengatakan bahawa pelaksanaan KP hanyalah menambah beban tugas guru semata-mata.

Rujukan

- Adi Sobandi. (2014). Teachers' perception on the implementation of lesson study: A case study in Junior High School English Teachers Association in Kota Sukabumi. Doctoral Dissertation. Universitas Pendidikan Indonesia.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2009). *Standard guru Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2013). *Modul komuniti pembelajaran profesional*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Chiew Chin Mon & Lim Chap Sam. (2010). Challenges and insight gained in conducting Lesson Study: A case in Malaysia. 5th World Association of Lesson Studies International Conference 2014, hlm. 29-34.
- Chiew Chin Mon, Jeffri Mat Yasin & Siti Aishah Ashaari. (2014). The development of lesson study in Malaysia. *Proceeding of the 5th East Asia Regional Conference on Mathematics Education*, hlm. 684-690.
- Darling-Hammond, L., Wei, R.C., Andree, A., Richardson, N. & Orphanos, S. (2012). *Professional learning in the learning profession: A status report on teacher development in the United State and abroad*. Washington: National Staff Development Council.
- DuFour, R., Eaker, R. & Many, T. (2006). *Learn by doing: A handbook for professional learning communities at work*. Bloomington: Solution Tree Press.
- Fernandez, C. & Yoshida, M. (2004). *Lesson study: A Japanese approach to improving mathematics teaching and learning*. Mahwah: Lawrence Erlbaum.
- Foo Kum Fong & Lee Hwa Phaik. (2008). Building a professional learning community in east zone through lesson study. In the APERA Conference: Educational Research for Innovation & Quality in Education: Policy & Pedagogical Engagements across Contexts, November.
- Hiebert, J., Wearne, D. & Taber, S. (1991). Fourth graders' gradual construction of decimal fractions during instruction using different physical representations. *The Elementary School Journal* 91(4): 321-341.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Draf awal pelan pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013a). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013 - 2025*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan guru.
- Lewis, A.C. (2005). States feel the crunch of NCLB. *Phi Delta Kappa* 86(5): 339-340.
- Muzirah Ab Mokhti & Nurhana Mohamad Rafiuddin. (2013). Persepsi guru sains yang mengamalkan lesson study sebagai program pembangunan profesional guru terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. *Proceeding of the Global Summit on Education 2013, Kuala Lumpur*, 11-12 Mac. <https://worldconferences.net/proceedings> [8 Ogos 2015].
- Norashid Othman & Hamzah Md. Omar. (2014). Beban tugas dan motivasi pengajaran guru di sekolah menengah daerah Ranau. *Journal for Educational Thinkers* 5: 35-37.
- Nur Ain Elzira Abdullah. (2018). Pendekatan kajian pengajaran dalam pengajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Bahasa Melayu. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Ain Elzira Abdullah & Zamri Mahamod. (2017). Designing teaching and learning of Malay language through lesson study-based approach. *International Journal of Current Research* 9(3): 48188-48197.
- Nuraishah Mahmood & Helmeleya Mohd Jamil. (2013). Lesson study: Meningkatkan kemahiran perbualan berdasarkan gambar bagi murid darjah 4. *Voice of Academia* 8(1): 1-7.
- Patton, M.Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods*. 3rd Edition. Thousand Oaks: Sage Publications Inc.
- Rohaida Mazlan & Zamri Mahamod. (2016). Pengetahuan, pemahaman dan faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru bahasa Melayu sekolah menengah dalam melaksanakan KP. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Pendidikan Kesusastraan Melayu*, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia 5: 457-476.
- Richard, T.T., Patrick, D.O. & Willy, J.C. (2001). Exploring teachers' belief and the processes of change. *PAC Journal*, hlm. 41-56.

- Stigler, J.W. & Hiebert, J. (1999). *The teaching gap: Best ideas from the world's teachers for improving education in classroom*. New York: Summit Books.
- Takahashi, A., Itoh, H., Adachi, K., Noji, H., Yasuda, R., Yoshida, M. & Kinoshita, K. (2004). Mechanically driven ATP synthesis by F1-ATPase. *Nature* 427(6973): 465-468.
- TIMSS. (1995). *Trends in international mathematics and science study: Bahagian perancangan dan penyelidikan dasar KPM*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Welsh, T.N. & Elliott, D. (2001). The processing speed of visual and verbal movement information by adults with and without down-syndrome. *Adapted Physical Activity Quarterly* 18(2): 156-167.
- Yoshida, M. (1999). *Lesson study: A case study of a Japanese approach to improving instruction through school-based teacher development*. Peterson: New Jersey.
- Yoshida, M. (2002). *Developing effective use of the blackboard through lesson study. Resource for better school*. <https://www.ibo.org/ibap/conference/documents/ShirleyDroeseArticle1.pdf> [19 Jun 2015].
- Zamri Mahamod. (2004). Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2011). Memperkasa guru, mempersekap pelajar: Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam abad ke-21. *Prosiding Seminar Bahasa Melayu 2011*, 1-30. Singapura: Penerbit Pusat Bahasa Melayu Singapura.
- Zamri Mahamod. (2012a). Trend terkini pengajaran bahasa di perguruan tinggi: Satu analisis. *Jurnal Al-Ta'lim* 19(1) Februari: 24-37. Padang: Penerbitan Fakultas Tarbiyah, Institut Agama Islam Negeri Imam Bonjol.
- Zamri Mahamod. (2012b). *Inovasi P&P dalam pendidikan bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. (2013). Merekayaskan pendidikan bahasa Melayu pada abad ke-21. *Prosiding Seminar Serantau Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusastraan Melayu Kali Kedua 2013*, 14 September: 1-10: Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.